

Pak Lah doa segera sembuh

BH -
16/5/2007

LANGKAWI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendoakan agar Tun Dr Mahathir Mohamad yang sedang menerima rawatan lanjut di Institut Jantung Negara (IJN) selepas mengadu sesak nafas, akan sembuh segera.

"Saya berharap beliau akan cepat sembuh sepenuhnya selepas mendapat rawatan," kata Perdana Menteri kepada pemberita pada akhir sesi pertemuannya dengan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong, di sini semalam.

Terdahulu, Abdullah meluangkan masa bersama Lee menikmati durian yang dibawa dari Balik Pulau, Pulau Pinang.

Dr Mahathir dimasukkan ke ICU Hospital Langkawi ketika Abdullah sedang menyambut ketibaan Lee dan delegasi Singapura, kelmarin.

Bekas Perdana Menteri itu dipindahkan ke IJN pada jam 11.30 pagi semalam dengan menaiki pesawat khas.